


Merentas Tanah Bugis Wajo

► Merakam seni Makam Sakral Toraja



CATATAN
KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS


08 12-8-2018 B3

APABILA kapal KM Lambelu merenggangkan dirinya dari pelantar pelabuhan di pagi minggu yang dingin dek hujan renyai-renyai, penulis percaya satu perjalanan yang menarik akan tercipta kerana belayar kapal seperti mengimbu kedadangan leluhur menempuh gelora lautan terbuka mencari penghidupan baru di tanah asing mungkin seratus tahun yang lalu.

Perjalanan kapal pada mulanya bergerak perlahan di pesisir pantai sehingga enjin kapal semakin garang dan angin ganas merempuh diri semakin bertenaga merentasi lautan Kepulauan Indonesia, sambil membawa barangan pengeluaran setiap destinasi seperti rumpai laut, kelapa kering, ikan kering dan sebagainya untuk didagangkan di Jakarta atau di pelabuhan destinasi tertentu.

Apabila daratan telah hilang dari pandangan, penumpang pulang ke tempat beristirahat dan penulis juga terus ke bilik kabin yang ditempah bersama teman kembara visual Prof. Ismail Ibrahim, mengemaskan barang barang untuk hari berikutnya.

Kabin kapal sederhana besar dengan sebuah pendingin hawa, tandas, katil dan meja tulis sangat



Di Tanah Perkuburan tradisi Londa, Toraja.

selesa jika dibandingkan dengan teman teman yang tinggal di kelas ekonomi tingkat bawah bersama penumpang yang lain. Rombongan kami seramai tiga puluh tiga orang terdiri daripada mahasiswa tahun pertama, pelajar pasca dan juga pensyarah merancang untuk beberapa siri pembentangan kertas kerja di beberapa buah universiti di Selatan Sulawesi umpamanya IAIN Institute Akademi Islam Nusantara di Palopo dan Universitas Bosowa, selain menjelajah destinasi penting di Sulawesi Selatan diketuai oleh Dekan Kemanusiaan Seni dan Warisan UMS Professor Dr Ismail Ibrahim dibantu Timbalan Dekan Dr Mashita Abd Rashid dan Salmie Jemon sebagai pengurus kewangan.

Pelayaran meluncur dengan selesa kerana tiada ombak yang mengganggu perjalanan menuju ke Palu, Pantalouan Sulawesi Tengah. Perjalanan yang memakan masa sehingga dua puluh jam akhirnya menampilkan kesan psikologi dan fizikal kerana

tekanan tersebut tergambar di setiap wajah penumpang dalam kapal Lambelu.

Salah satu kesan utama adalah kebuntuan, kejemuhan dan kebosanan. Ini berlaku kerana penumpang hanya mampu untuk berjalan jalan di dek kapal dan akhirnya balik ke tempat rehat di katil atau di pangkin. Mereka hanya boleh bergerak di atas keluasan kapal sahaja apatah lagi kapal Lambelu adalah kapal kargo yang mengangkut dagangan.

Disebabkan keperluan rakyat marhaen, kapal tersebut diubah untuk mengangkut penumpang antara kepulauan Indonesia yang terletak di laut Sulawesi seperti Nunukan, Tarakan Balik Papan, Samarinda, Pare Pare, Makassar hingga Flores di Kepulauan Nusa Tenggara, Indonesia Selatan.

Namun begitu ada beberapa kaedah agar kebosanan boleh diatasi antaranya berinteraksi bersama teman kembara walau dimana mereka ditempatkan. Penulis tidak membuang masa setiap waktu yang ada membawa


buku lakaran mencari ilham untuk mengisi buku lukisan dan lakaran yang dibawa kerana aktiviti manusia di atas kapal ada berbagai kerenah yang boleh dirakamkan.

Seorang kenalan penulis bernama Rashid anak watan Flores bekerja di Tawau, sempat membisikkan bahawa ramai pencuri, pencopet dan penyeluk saku dalam setiap pelayaran. Maka penumpang perlu berhati-hati, jangan disangka air tenang tiada buaya.

Penerokaan penulis di setiap tingkat dek kapal membawa banyak ilham. Beberapa buah lukisan serta lakaran dapat dirakamkan, yang mana usaha ini juga menghilangkan kebosanan berada terlalu lama di atas kapal. Disamping itu penulis dan teman kembara juga bersiar siar di bahagian belakang menulis dan membaca kerana di dalam bilik penyaman udara tidak berfungsi maka warung kopi di atas kapal menjaditumpuan penumpang untuk menghilangkan kebosanan sambil merenung gumpalan ombak tercetus dari putaran kipas di buritan kapal.

Ada juga yang mengambil kesempatan membalikkan pancing agar berjaya mendapat hasil tangkapan, selain kebanyakannya menghirup minuman sambil berbual dengan sahabat. Namun begitu dalam kapal ini boleh dianggap sebagai sebuah bandar kerana ribuan penumpang yang berbagai rupa dan budaya berkumpul dan terpaksa hidup bersama sementara menunggu destinasi masing masing.

Semasa mengunjungi sahabat saya, saudara Amir Shah, seorang pelajar pasca di bahagian penumpang bahagian ekonomi di tingkat bawah, penulis menyaksikan berbagai perniagaan berjalan



TETAMU Bupati Istana Datu Luwu.

dengan rancaknya. Peniaga berjalan mundur mandir di antara lorong dan pangkin penumpang kelas tiga sambil melauk bahan yang dijual.

Pesta perniagaan ini berjalan tanpa henti dan nada antara penumpang yang kerjanya mengikuti pelayaran kapal hingga berminggu dengan tujuan berniaga di atas kapal. Seorang peniaga wanita bernama Maspah keturunan Banjar dari Banjarmasin, Indonesia sanggup meninggalkan suami dan anak mereka di kampung hanya untuk berniaga di atas kapal.

Menurutnya, berniaga di atas kapal mendapat keuntungan yang tinggi terutamanya semasa musim perayaan apabila kapal dipenuhi penumpang di setiap ceruk dan ruang.

Keperluan harian seperti air mineral, makanan ringan, peralatan peribadi seperti kain dan baju sangat diperlukan kerana kapal tersebut tidak mempunyai pangkin atau pelantar untuk menerima penumpang lebih dari dua ribu.

Sebenarnya terdapat seribu satu cerita di dalam pelayaran dengan kapal Lambelu menuju Pare Pare. Sampai di pelabuhan Pare Pare dari Balik Papan memakan masa sehingga dua belas jam. Kami tiba di pelabuhan Pare Pare lebih kurang pukul satu tengahari dan terus menuju ke Wajo yang dikelilingi sawah terbentang menghijau dan menguning seluas mata memandang.

Seterusnya kami bermalam di Palopo dan menjadi tetamu Bupati di Istana Datu Luwu dan wakil walikota bandar Palopo yang peramah. Setelah itu penulis dan rombongan telah merentasi jalan yang sempit dan berliku menyusuri gunung ganang menuju ke Tana Toraja selama empat jam

Tana Toraja adalah kawasan tinggi dipergunungan selatan Sulawesi. Masyarakatnya terdiri daripada petani yang tinggal di pergunungan dan kebanyakan mereka adalah penganut agama Kristian namun masih berpegang kepada budaya pagan dan animisme tradisional

terutamanya mengamalkan ritual pengorbanan semasa pengebumian dan majlis berlangung kawa keluarga secara perayaan besar-besaran.

Masyarakat Toraja lumrahnya terkenal dengan binaan berbentuk rumah dipanggil Tonkonan dan Alang. Alang adalah simbolik maskulin atau kejantanan menyerupai rumah bertiang dan berbumbung ibarat perahu dan kapal yang berfungsi sebagai kepek atau pondok simpan padi. Tonkonan adalah binaan serupa bersaiz besar dan tempat tinggal keluarga serta simboliknya ibu yang membesarkan keluarga.

Menurut sejarah Toraja tidak mempunyai huruf atau tulisan seperti masyarakat Bugis namun mereka kaya dengan corak dan berkomunikasi melalui ragam hias yang diukir dan dilukis di dinding Tonkonan dan Alang. Penulis dan rombongan berkesempatan menyaksikan satu ritual pengebumian di Palawa, sebuah perkampungan tradisi.

Upacara pengebumian yang dihadiri ribuan tetamu dengan binaan Tonkonandan Alang tempat mayat diletakkan dihias dengan seribu warna warni yang gemilang, sedangkan di bawah Tonkonan, mayat bersemadi menunggu untuk dibekebumikan.

Ratusan binatang peliharaan seperti sapi dan babi dibawa dari berbagai-bagai pelosok di wilayah Toraja dan juga dari luar oleh jemputan dikorbankan untuk merayakan alam berlangungkawa serta ritual kematian yang sakral oleh penduduk tempatan.

Penulis menyaksikan peranan seni visual yang begitu gemilang semasa ritual tersebut berlangsung. Kawasan perkampungan Palawa yang penuh dengan warna warni dihiaskan bendera berbagai-bagai warna dan dikibarkan dengan lagu dan nyanyian meratap dan merayu.

Suara gemuruh oleh juruacara mewarwarkan melalui siar raya para jemputan yang memakai pakaian tradisi dan upacara

majoriti berwarna merah, hitam dan kuning keemasan terdapat di mana mana bukti warna berkabung di Tana Toraja memenuhi perkarangan tersebut dengan struktur Tonkonan yang berbagai-bagai saiz dibina bagi menampung keluarga si mati.


Pesta pengebumian ini berlangsung beberapa hari, menyaksikan kenduri makanan dan jamuan hasil dari ritual korban yang berjalan setiap hari. Dalam masyarakat Toraja kematian adalah juga kehidupan. Oleh itu setiap kematian dalam masyarakat diratapi dengan ritual serta upacara meriah dan gemilang merayakan satu perbatasan dalam kehidupan.

Setiap keluarga yang meninggal dianggap 'tidur' sehingga hari pengebumian mereka. Oleh itu mereka akan disemadikan di kuburan yang diukir di dinding gua batu, tebing tinggi atau di makam berbentuk rumah di mana patung figura mereka disusun melihat ke arah perkampungan serta tanah sawah mereka tinggalkan.

Penulis berpeluang melawat perkuburan klasik masyarakat Toraja di Londohe, Kete' Kesu, dan Marante di mana mayat dibekebumikan di dalam batu pejal yang ditebuk oleh pengukir mahir. Penulis berada di bandar Rantapeo, Toraja selama dua hari sebelum beredar ke wilayah Engkerang dan seterusnya melalui Wajo, Bone, Maros dan seterusnya singgah di Kota Raya Makassar yang tersergam indah sebelum pulang ke Kota Kinabalu melalui Jakarta dengan pesawat udara.

Pablo Picasso pernah berkata; 'aku berjalan di dalam hutan, ku lihat warna hijau di keliling ku dan aku muntahkan warna itu di dalam studio ku.' Begitulah pengalaman penulis kembalinya ke negeri di bawah bayu dengan seribu kenangan.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).



ANTARA lukisan dilakar penulis atas kapal Lambelu.